

D825

U B546 AAB
MAHATHIR - IKAN

JELI, 2 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MUSTAHIL BAGI KERAJAAN UNTUK MENGADAKAN PASUKAN YANG CUKUP UNTUK MENGAWASI DAN MERONDA KAWASAN ZON EKONOMI EKLUSIF (ZEE) NEGARA.

INI KERANA KAWASAN ZEE LUAS DAN PERBELANJAAN UNTUK MENGADAKAN RONDAAN MEMERLUKAN BELANJA YANG BESAR, KATANYA KETIKA BERUCAP MENUTUP KURSUS KEPIMPINAN BAGI PENGHULU-PENGHULU KELANTAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL DI KEM BINA SEMANGAT SERI PERGAU DEKAT SINI HARI INI.

KATANYA, KERAJAAN BOLEH MEMPERBANYAKKAN KAPAL TERBANG DAN KAPAL PERANG UNTUK MEMBUAT RONDAAN DI KAWASAN ZEE TETAPI PERBELANJAAN BESAR YANG DIGUNAKAN AKAN MENJEJASKAN PERUNTUKKAN PEMBANGUNAN NEGARA.

+BAGI SEBUAH KAPAL PERANG UNTUK MERONDA PERBELANJAAN SEBANYAK \$30,000 HINGGA \$40,000 SEHARI DIPERLUKAN DAN JIKA KAPAL YANG LEBIH BESAR DIGUNAKAN PERBELANJAAN YANG DIPERLUKAN IALAH ANTARA \$40,000 HINGGA \$50,000 SEHARI+, UJARNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, PENINGKATAN RONDAAN TIDAK DAPAT MENINGKATKAN PENDAPATAN DARI HASIL TANGKAPAN MANAKALA USAHA UNTUK MENANGKAP PARA PENCEROBOH PERAIRAN NEGARA TIDAK SELALUNYA BERJAYA KERANA KAWASAN LAUTAN YANG LUAS. -- LAGI
1642MST 02 10 87

D826

U B547 AAB
MAHATHIR - IKAN 2 JELI

SEBALIKNYA, TEGAS BELIAU, PERTAMBAHAN HASIL TANGKAPAN BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA SEJAUH MANA KESANGGUPAN PARA NELAYAN MENEROKA PENANGKAPAN IKAN DI LAUT DALAM.

KATANYA, MELALUI USAHA YANG SEDEMIKIAN KERAJAAN TIDAK PERLU MENGELUARKAN BELANJA YANG BANYAK UNTUK MENGADAKAN RONDAAN DAN MENGGUNAKAN KELENGKAPAN YANG MEMERLUKAN PERBELANJAAN YANG BESAR.

BELIAU BERKATA PENEROKAAN LAUTAN DALAM OLEH KAUM NELAYAN NEGARA SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MENGHASILKAN SUMBER PENDAPATAN NEGARA YANG BOLEH DIMANFAATKAN BAGI PEMBANGUNAN.

+MALANGNYA TIDAK RAMAI YANG SANGGUP MENERIMA CABARAN ITU SEHINGGAKAN KEPERLUAN SERAMAI 1,500 ORANG UNTUK PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM HANYA DIPENUHI OLEH 50 ORANG SAHAJA,+ KATA BELIAU. --
BERNAMA

1643MST 02 10 87